



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA**

**MAJLIS PENYERAHAN
SURAT SETUJU TERIMA (SST)
PROGRAM BLACKSPOT (FASA 1&2),
LPKS DAN ARAHAN KERJA (AK) PENYENGGARAAN JALAN,
PERSEKUTUAN SEMENANJUNG MALAYSIA**

**24 JULAI 2025 | KHAMIS | 2.00 PETANG
BM TANJUNG, KOMPLEKS KKR**

Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI, Salam Segulai Sejalai.

1. Pertama sekali, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan rasa syukur kerana pada hari ini kita dapat bersama-sama dalam **Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima (SST) Program Blackspot (Fasa 1 dan 2), Program Lintasan Pejalan Kaki Searas Berlampu Isyarat (LPKSI) dan Arahan Kerja (AK) Penyenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia.**
2. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih, saya ucapkan kepada urusetia yang telah merancang dan mengatur sehingga majlis ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Sekalung tahniah juga saya ucapkan kepada para kontraktor yang akan menerima SST dan Arahan Kerja pada hari ini.

Hadirin yang dihormati,

3. Kementerian Kerja Raya (KKR) melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) selaku agensi pelaksana sentiasa komited dalam usaha memperingkatkan infrastruktur Jalan Persekutuan di seluruh negara supaya ianya sentiasa berkualiti, mampan, selamat dan selesa. Seperti yang pernah saya sebutkan, kita bukan hanya bina dan

senggara jalan, tetapi sebenarnya, kita membina kehidupan dan masa hadapan, bukan hanya untuk kita tetapi generasi yang akan datang juga.

4. Pada hari ini, kita akan menyaksikan penyerahan SST kepada 92 kontraktor bagi pelaksanaan kerja-kerja menaik taraf infrastruktur keselamatan jalan raya serta pengeluaran sebanyak 1,648 Arah Kerja (AK) kepada empat (4) syarikat konsesi yang telah dilantik untuk melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan Jalan Persekutuan. Ini membuktikan komitmen Kerajaan MADANI bukan hanya sekadar membina, malah turut menyenggara dan menambah baik jaringan jalan raya secara berterusan dan menyeluruh, agar ianya sentiasa dalam keadaan baik dan berkualiti, mampan dan berdaya tahan, selamat untuk pemandu dan penumpang dan selesa untuk pemanduan ke destinasi yang dituju.

PROGRAM BLACKSPOT

Hadirin yang dihormati,

5. Program Blackspot merupakan antara inisiatif strategik KKR yang dilaksanakan untuk mengurangkan kadar kemalangan di lokasi berisiko tinggi, berdasarkan analisis data kemalangan yang dikumpul daripada pelbagai agensi berkaitan.

6. Program ini terbukti berkesan apabila berjaya mencatatkan penurunan purata kadar kemalangan antara 25% hingga 60%, sekali gus menyelamatkan nyawa dan harta, meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya secara signifikan.

PROGRAM LINTASAN PEJALAN KAKI BERLAMPU ISYARAT (LPKSI)

7. Dalam memastikan jalan raya lebih inklusif dan selamat untuk semua golongan pengguna, terutamanya pejalan kaki, KKR turut memperkenalkan Program Lintasan Pejalan Kaki Searas Berlampu Isyarat (LPKSI).
8. Melalui inisiatif ini, lintasan searas yang dilengkapi dengan lampu isyarat khas dibina di kawasan tumpuan ramai dan berdensiti tinggi seperti institusi pendidikan, pusat kesihatan, pusat membeli belah dan pasar, masjid dan rumah ibadah bagi melindungi keselamatan golongan rentan termasuk warga emas dan pelajar.

Para Pegawai JKR dan Kontraktor yang diraikan,

9. Saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru JKR Malaysia agar terus membimbing dan memantau dengan rapi setiap pelaksanaan program Blackspot dan penyenggaraan Arahan Kerja ini. Pengurusan projek yang cekap dan pemantauan yang konsisten serta komunikasi yang berkesan adalah kunci kejayaan sesuatu projek bagi memastikan projek berjalan lancar, menepati jadual serta memenuhi standard dan spesifikasi yang ditetapkan. Sekali lagi saya ingatkan bahawa tuan puan bukan sahaja menyenggara jalan tetapi mengurus kehidupan dan masa hadapan dengan menurunkan kadar kemalangan lebih-lebih lagi kemalangan maut.
10. Program seperti ini bukan sahaja memberi kesan positif kepada tahap keselamatan dan keselesaan pengguna Jalan Persekutuan, malah turut merangsang pertumbuhan ekonomi tempatan kerana ia melibatkan lebih 1,700 kontraktor secara langsung serta mewujudkan ratusan peluang pekerjaan secara tidak langsung, sekaligus menjana aktiviti ekonomi di kawasan pelaksanaan projek.

11. Kepada para kontraktor yang terpilih, saya amat berharap agar tuan-puan akan memberikan komitmen yang padu terhadap aspek kualiti terutama dari segi mengikuti spesifikasi standard yang ditetapkan, kos dan masa, serta mengutamakan keselamatan di kawasan kerja.

12. KKR tidak akan berkompromi terhadap isu-isu berkaitan kualiti kerja pembinaan dan penyenggaraan dalam memastikan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya sentiasa diutamakan selaras dengan aspirasi Program MYJalan. Saya juga ingin menekankan kepentingan untuk menyiapkan projek ini mengikut masa yang ditetapkan. We aim for AOT not EOT.

PENUTUP

13. Sebagai penutup, saya merakamkan ucapan terima kasih dan syabas kepada barisan pengurusan tertinggi JKR Malaysia, pihak urusetia serta semua kontraktor yang hadir dan sentiasa menyokong usaha-usaha Kementerian Kerja Raya dalam memperkukuhkan sistem infrastruktur negara demi meningkatkan mobiliti dan kesalinghubungan rakyat yang akan menjadi pemangkin kepada kerancakan ekonomi dan perpaduan rakyat.

14. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan ***Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima (SST) Program Blackspot (Fasa 1 dan 2), Program Lintasan Pejalan Kaki Searas Berlampu Isyarat (LPKSI) dan Arahan Kerja (AK) Penyenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia.***

Sekian, terima kasih.